

## BAB DUA

# PENULISAN KATA

### 2.1 Kata Tunggal

Kata tunggal ialah kata yang tidak diberikan apa-apa imbuhan, digandakan atau dirangkaikan dengan perkataan lain. Dari segi suku kata, kata tunggal boleh berbentuk ekasuku, dua suku kata atau lebih, dan tiga suku kata atau lebih.

#### 2.1.1 Ekasuku

- (a) Huruf vokal *alif* (ا), *wau* (و) atau *ya* (ي) digunakan apabila mengeja kata tunggal ekasuku yang berpola suku kata terbuka (KV) atau tertutup (VK).
  - (i) Contoh kata dasar ekasuku (KV) yang terbuka adalah seperti yang berikut:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
گو	gu
می	mi
مو	mu
یا	ya
زو	zoo [zu]

**Catatan:** kata sendi nama *di* (د) dikecualikan daripada kaedah ini kerana ejaannya sudah mantap.

## PENULISAN KATA

- (ii) Contoh kata tunggal ekasuku (VK) yang tertutup adalah seperti yang berikut:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اھ	ah
إيه	eh
اوک	oak [ok]
اوٽ	oat [ot]
اوھ	oh

- (b) Huruf vokal *alif* (!) tidak digunakan sebagai lambang bagi bunyi [a] apabila mengeja kata tunggal ekasuku yang berpola KVK. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بس	bas
گه	gah
جم	jam
لڻ	lap
ون	van
يغ	yang

**Catatan 1:** Perkataan *dan* (دان) dikecualikan daripada aturan pengejaan ini kerana ejaannya sudah mantap.

**Catatan 2:** Namun, huruf vokal *alif* (!) digunakan bagi kata yang bermula dengan huruf *wau* (و). Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
واد	wad
واه	wah

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

واق	wak
وان	wan
واع	wang
واف	wap
وات	wat

- (c) Huruf vokal *ya* (ي) atau *wau* (و) digunakan apabila mengeja kata tunggal ekasuku yang berpola KVK. Contohnya:

Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
e taling (é)	سین	sen
	کیس	kes
[i]	تیر	tir
	بیل	bil
[o]	کول	gol
	بوم	bom
[u]	نون	nun
	نور	nur

### 2.1.2 Dua Suku Kata atau Lebih

Pengejaan kata tunggal dua suku kata atau lebih, khususnya bagi suku kata akhir dan praakhir terdiri daripada empat pola seperti yang berikut:

- Suku kata terbuka + suku kata terbuka
- Suku kata tertutup + suku kata terbuka
- Suku kata terbuka + suku kata tertutup
- Suku kata tertutup + suku kata tertutup

- (a) Suku kata terbuka + suku kata terbuka
- (i) Kata tunggal yang mengandungi suku kata praakhir

## PENULISAN KATA

terbuka + suku kata akhir terbuka, kedua-duanya menggunakan vokal [a] dieja dengan dua cara yang berikut:

- Kedua-dua vokal [a] dilambangkan dengan huruf *alif*(ا) apabila suku kata akhir bermula dengan huruf konsonan *dal* (د), *ra* (ر), *lam* (ل), *wau* (و) atau *nga* (ڠ). Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
دادا	dada
فِرَادَا	perada
ارا	ara
بارا	bara
كمبارا	kembara
فَالَا	pala
كُفَالَا	kepala
ساوا	sawa
كتاوا	ketawa
غاغا	nganga
بلاغا	belanga

**Catatan:** Terdapat beberapa patah perkataan yang terkecuali daripada hukum ini kerana ejaannya sudah mantap seperti yang berikut:

درُثْ	تِيَاد	كُثْد	قَدْ	اد
(daripada)	(tiada)	(kepada)	(pada)	(ada)

- Apabila suku kata akhir tidak bermula dengan salah satu huruf *dal* (د), *ra* (ر), *lam* (ل), *wau* (و) atau *nga* (ڠ), huruf *alif* (ا) digunakan untuk melambangkan vokal [a] di suku kata praakhir sahaja.

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اب	aba
اڻ	apa
اس	asa
باج	baja
باچ	baca
براف	berapa
بلاڪ	belaka
ايرام	irama
لاٻ	laba
مات	mata
مان	mana
فرمات	permata
راس	rasa
ساي	saya
تاث	tanya
تنانڪ	tenaga

**Catatan 1:** Perkataan *maka* (مک) dikecualikan daripada kaedah ini kerana ejaannya sudah mantap.

**Catatan 2:** Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan homografi, huruf *alif* (ا) digunakan pada kata yang berakhir dengan vokal [a]. Contohnya:

## PENULISAN KATA

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>	<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
بیاس	bias	بیاسا	biasa
بوای	buai	بوایا	buaya
دان	dan	данا	dana
فواس	puas	فواسا	puasa
سرای	serai	سرایا	seraya

**Catatan 3:** Huruf vokal *alif* (!) digunakan pada suku kata akhir dalam dua keadaan yang berikut:

- Apabila suku kata akhir bermula dengan konsonan *h*. Dalam keadaan ini, suku kata praakhir tidak dilambangkan dengan vokal *alif* (!). Contohnya:

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
انوگرها	anugeraha
مها	maha
فها	paha
اوسمها	usaha

- Pada sesetengah kata serapan asing. Contohnya:

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
داتا	data
دراما	drama
فاسما	fasa

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
لافا	lava
ماما	mama
نانا	nana
فانوراما	panorama
فلازا	plaza
تماشا	temasya

- (ii) Huruf *alif* (ا) tidak digunakan sebagai lambang bagi bunyi vokal [a] di suku kata akhir yang bermula dengan konsonan *kaf* (ك) atau *ga* (گ) dalam suku kata terbuka + suku kata terbuka.
- Vokal [a] tanpa *alif* (ا) di suku kata akhir terbuka dengan *kaf* (ك):

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[a + a]	باک	baka
	ساک	saka
[é + a]	لیک	leka
	ریک	reka
[i + a]	کتیک	ketika
	میک	mika (kamu)
[o + a]	سلوک	seloka
	تروک	teroka
[u + a]	لوک	luka
	موک	muka

## PENULISAN KATA

- Vokal [a] tanpa *alif* (ا) di suku kata akhir terbuka dengan *ga* (گ):

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[a + a]	اڭ	aga
	راڭ	raga
	ساڭ	saga
[é + a]	بيڭ	bega
	ميڭ	mega (awan)
	منتيڭ	mentega
[i + a]	كليڭ	geliga
	تىڭ	tiga
[o + a]	سموڭ	semoga
	سوڭ	soga (tumbuhan)
[u + a]	دوڭ	duga

**Catatan:** Huruf *alif* (ا) digunakan apabila suku kata praakhir Melayu Jati mengandungi bunyi vokal e pepet (e), contohnya *teka* (تكا), *ceka* (چكا), *lega* (لگا) dan *sega* (سگا).

- (iii) Kata tunggal yang mengandungi suku kata terbuka + suku kata terbuka dieja dengan menggunakan huruf vokal *alif* (ا), *wau* (و) atau *ya* (ي) di semua suku kata akhir apabila suku kata praakhir mengandungi bunyi vokal e pepet (e). Contohnya:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[e + a]	دقا	depa
	اسا	esa
	فتا	peta
[e + i]	بلي	beli
	فري	peri

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

<b>Pola Vokal</b>	<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
[e + u]	بکو ارو امو کلو	beku eru emu kelu

- (iv) Selain aturan pengejaan yang dijelaskan di perenggan (i), (ii) dan (iii), huruf vokal *alif* (ا), *wau* (و), dan *ya* (ي) digunakan sebagai lambang bagi semua bunyi vokal dalam suku kata terbuka pada kedudukan praakhir dan akhir kata. Contohnya:

<b>Pola Vokal</b>	<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
[a + i]	چلانۍ پاپي راني	celagi nyanyi ragi
[a + é]	کاراتي ساكي ساتي	karate sake sate
[a + o]	جانکو فیداتو توماتو	jago pidato tomato
[a + u]	لاکو ساڭو سقاتو	laku sagu sepatu
[i + a]	بتيينا فيزا تيبا	betina piza tiba

## PENULISAN KATA

<b>Pola Vokal</b>	<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
[i + i]	کیوی فرتیوی تیتی	kiwi pertwi titi
[i + é]	فکسیمیلی	faksimile
[i + o]	کیلو رسیکو	kilo risiko
[i + u]	پیرو فیلو سمبیلو	nyiru pilu sembilu
[é + a]	کریتا فیکا تیما	kereta peka tema
[é + é]	ایری تبلي	ere tele
[é + i]	لیوی سیسی	levi sesi
[é + o]	هیلو فلینو	helo pleno
[é + u]	کیجو سیوو ترویلو	keju sewu terwelu
[o + a]	بولا نوتا فتولا	bola nota petola
[o + i]	توفی روتی سغوتی	topi roti sengoti

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[o + é]	كولي سورى	kole sore
[o + o]	كيمونو كوكو	kimono koko
	سوتو	soto
[u + a]	بوغا فوجا	bunga puja
[u + i]	خرودي فوجي سودي	gerudi puji sudi
[u + o]	جودو كونو	judo kuno
[u + u]	برودو خورو موتو	berudu guru mutu

**Catatan:** Perkataan *dari* (دری), *lima* (لیم), *ini* (این), *itu* (ایت), *ia* (یا), *dia* (دی), *kita* (کیت), *jika* (جک), *iaitu* (یاءیت), *manusia* (ماءنسی) dan *beta* (بیت) dikecualikan daripada kaedah ini kerana ejanya sudah mantap.

(b) Suku kata tertutup + suku kata terbuka

(i) Kata tunggal yang bersuku kata praakhir tertutup diikuti suku kata akhir terbuka dengan vokal [a] di kedua-dua suku kata dieja dengan dua cara yang berikut:

- Huruf *alif* (ا) digunakan sebagai lambang bagi bunyi vokal [a] di suku kata akhir apabila suku kata akhir

## PENULISAN KATA

itu tidak bermula dengan huruf konsonan *kaf* (ک) atau *ga* (گ). Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اندا	anda
ارچا	arca
برندا	beranda
همقا	hampa
کستا	kasta
منجا	manja
فنسا	pangsa
سلمبا	selamba
تندا	tanda
ورنا	warna

- Huruf *alif* (ا) tidak digunakan sebagai lambang bagi bunyi [a] di suku kata akhir terbuka yang bermula dengan huruf konsonan *kaf* (ک) atau *ga* (گ). Contohnya:

Ejaan bagi suku kata akhir terbuka yang bermula dengan *kaf* (ک):

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اڠک	angka
بغک	bangka
جڻک	jangka
رڻک	rangka
سڻک	sangka
سلڻک	selangka
سمڻک	semangka

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Ejaan bagi suku kata akhir terbuka yang bermula dengan *ga* (گ):

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
بغك	bangga
هرك	harga
پوجعك	pujangga
سرغك	serangga
تغك	tangga
ورك	warga

- (ii) Huruf *alif* (ا) tidak digunakan sebagai lambang bagi vokal [a] di suku kata akhir yang mengandungi huruf konsonan *kaf* (ک) atau *ga* (گ), tetapi huruf vokal *wau* (و) atau *ya* (ی) digunakan di suku kata praakhir. Contohnya:
  - Ejaan bagi suku kata akhir terbuka bermula dengan *kaf* (ک):

<b>Pola Vokal</b>	<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
[i + a]	بيڠك	bingka
[u + a]	مورك	murka

- Ejaan bagi suku kata akhir terbuka bermula dengan *ga* (گ):

<b>Pola Vokal</b>	<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
[e + a]	كرغك	kerengga
[é + a]	ريڠك	rengga
[i + a]	جيڠك	jingga
[o + a]	روڠك	rongga
[u + a]	سوڠك	sungga

## PENULISAN KATA

**Catatan:** Perkataan *syurga* (شَرْكَالوْك) dan *syurgaloka* (شَرْكَالوْكَالوْك) dikecualikan daripada kaedah ini kerana ejaannya sudah mantap.

- (iii) Huruf vokal *alif* (ا), *wau* (و) atau *ya* (ي) digunakan di semua suku kata akhir terbuka pola suku kata tertutup + suku kata terbuka apabila suku kata praakhir mengandungi bunyi vokal e pepet (e). Contohnya:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[e + a]	بَنْدَا	benda
	سَمْنَدَا	semenda
	سَرِبَا	serba
[e + i]	أَرْتِي	erti
	جَرْسِي	jersi
	فَرْلِي	perli
	سَفْرِتِي	seperti
[e + u]	بَلْغُكُو	belenggu
	فَرْدُو	perdu
	رَسْتُو	restu

- (iv) Huruf vokal *wau* (و) atau *ya* (ي) digunakan di mana-mana suku kata yang mengandungi vokal [i], [o], [u] atau e taling (é) apabila suku kata praakhir tidak mengandungi vokal [a] atau vokal e pepet (e) dan suku kata akhir tidak bermula dengan huruf *kaf* (ك) atau *ga* (گ) dengan vokal [a] dalam pola suku kata tertutup + suku kata terbuka yang berikut:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[i + a]	مِينَدَا	minda
	رِيمَبَا	rimba
[i + i]	كِيفِسِي	gipsi
	مِيمِفِي	mimpi

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

[i + é]	چيڠنۍ	cingge
	سيڠسي	singse
[i + o]	هيدرو	hidro
	ميڪرو	mikro
[i + u]	ميڠکو	minggu
	ريندو	rindu
[é + a]	نيندا	nenda
	سيقسا	seksa
[é + i]	ديڠنۍ	denggi
	تيڪسي	teksi
[é + o]	كيندو	kendo
	تيمڻو	tempo
[o + a]	بوندا	bonda
	رونتا	ronta
[o + i]	كوغسي	kongsi
	لومفي	lompi
[o + o]	بوڠکو	bonggo
	كونچو	konco
[o + u]	بوڠسو	bongsu
	ڦوڠسو	pongsu
[u + a]	ڦونچا	punca
	توندا	tunda
[u + i]	فوڠسي	fungsi
	كونچي	kunci
[u + o]	جومبو	jumbo
[u + u]	سومبو	sumbu

## PENULISAN KATA

(c) Suku kata terbuka + suku kata tertutup

(i) Huruf vokal tidak digunakan di kedua-dua suku kata praakhir dan akhir bagi kata yang berpola suku kata terbuka (KV) + suku kata tertutup apabila suku kata praakhir mengandungi vokal e pepet (e) dan suku kata akhir mengandungi vokal [a]. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بله	belah
چڪڻ	cekap
درس	deras
گرن	geran
ڪلٻ	kelab
لڪڻ	lekang

(ii) Huruf vokal *wau* (و) atau *ya* (ي) digunakan di suku kata akhir apabila suku kata praakhir mengandungi vokal e pepet (e) dalam suku kata terbuka + suku kata tertutup. Contohnya:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[e + é]	کرین	keren
	ستيم	setem
[e + i]	بتيق	betik
	لبيه	lebih
[e + o]	گابنور	gabenor
	كوليسترول	kolesterol
[e + u]	چلوڻ	celup
	جروق	jeruk

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

(iii) Huruf vokal *alif* (ا), *wau* (و) atau *ya* (ي) digunakan di suku kata praakhir sahaja apabila suku kata akhir mengandungi vokal [a] dalam pola suku kata terbuka + suku kata tertutup. Contohnya:

<b>Pola Vokal</b>	<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
[a + a]	هارف سامن	harap saman
[é + a]	ميره سيلق	merah selak
[i + a]	هيلع كيسر	hilang kisar
[o + a]	بورغ روسق	borang rosak
[u + a]	بولن چورغ	bulan curang

**Catatan 1:** Walau bagaimanapun, jika suku kata terdahulu menggunakan huruf vokal *ya* (ي) dan suku kata berikutnya ialah suku kata tertutup yang bermula dengan huruf konsonan *wau* (و), maka huruf vokal *alif* (ا) hendaklah digunakan sebagai lambang bunyi [a] pada suku kata yang terkemudian itu. Contohnya:

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
ديواغڠ	dewangga
جيواڠ	jiwang
کليواڠ	kelewang
ليواه	le wah

## PENULISAN KATA

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ليوات	lewat
میواه	mewah
سیواه	sewah

**Catatan 2:** Demikian juga jika suku kata praakhir menggunakan huruf *wau* (و) dan suku kata akhir ialah suku kata tertutup yang bermula dengan vokal [a], maka huruf *alif* (ا) hendaklah digunakan sebagai lambang vokal [a] itu. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اواق	uak
اور	uar
اوان	uan
اواف	uap

- (iv) Huruf vokal digunakan di kedua-dua suku kata bagi pola suku kata terbuka + suku kata tertutup apabila suku kata praakhir tidak mengandungi vokal e pepet (e) dan suku kata akhir tidak mengandungi vokal [a] atau e pepet (e). Contohnya:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[a + é]	جاکیت	jaket
	فامیر	pamer
[a + i]	باليق	balik
	داديه	dadih
[a + o]	چالون	calon
	لافور	lapor
[a + u]	جاروم	jarum
	راغوف	rangup

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

<b>Pola Vokal</b>	<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
[é + é]	چيريق	cerek
	خيلين	gelen
[é + i]	ديبيت	debit
	تيسيس	tesis
[é + o]	ريکود	rekod
	تيلور	telor
[é + u]	فيروم	ferum
	سيروم	serum
[i + i]	ديديق	didik
	فيليه	pilih
[i + é]	سيمين	simen
	تيكيت	tiket
[i + o]	ميتوس	mitos
	نيلون	nilon
[i + u]	تيدور	tidur
	فيروس	virus
[o + é]	boleh	boleh
	هوتيل	hotel
[o + i]	فوسيل	fosil
	كلورين	klorin
[o + o]	موتور	motor
	فوكوق	pokok
[o + u]	فوروم	forum
	مودول	modul
[u + é]	بوفيت	bufet
	تولين	tulen

## PENULISAN KATA

<b>Pola Vokal</b>	<b>Pola Vokal</b>	<b>Pola Vokal</b>
[u + i]	بُوكِيت	bukit
	توميَس	tumis
[u + o]	كُوفُون	kupon
	تُوتُور	tutor
[u + u]	بُوسُوت	busut
	كُورُوغ	kurung

(d) Suku kata tertutup + suku kata tertutup

- (i) Huruf vokal *alif* (ا) tidak digunakan di mana-mana suku kata tertutup yang menggunakan vokal [a] apabila mengeja kata tunggal berpola suku kata tertutup (KVK) + suku kata tertutup (KVK). Contohnya:

<b>Pola Vokal</b>	<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
[a + a]	لْبَق	lambak
	فَشْكَه	pangkah
[a + é]	خْسَكِيت	gasket
	تَبْلِيَت	tablet
[a + i]	بَنْتِيَغ	banting
	تَمْثِيل	tampil
[a + o]	كَرْبُون	karbon
	لَنْجُوَغ	lancong
[a + u]	چَمْفُور	campur
	كَمْفُوس	kampus
[é + a]	هِيكْتَر	hektar
	فِيَغْسَن	pengsan

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[i + a]	بینتڠ	bintang
	هیدرت	hidrat
[o + a]	فورمل	formal
	توغكت	tongkat
[u + a]	سومفه	sumpah
	تونجڅ	tunjang

**Catatan 1:** Walau bagaimanapun, huruf vokal *alif* (ا) perlu digunakan sebagai lambang bagi bunyi [a] di suku kata tertutup (KVK) untuk membezakannya daripada bunyi vokal e pepet (e) yang tidak dilambangkan dengan apa-apa huruf Jawi, terutamanya apabila mengeja kata tunggal yang berpola suku kata tertutup (KVK) + suku kata tertutup (KVK). Aturan pengejaan ini adalah khusus bagi mengeja semula bentuk homografi yang agak banyak terdapat dalam sistem ejaan Jawi. Contohnya:

Ejaan Padanan Jawi Rumi	Ejaan Padanan Jawi Rumi
باغکر bangkar	بغکر bengkar
كامڤوغ kampung	كمڤوغ kempung
كانچيڠ kancing	كنچيڠ kencing
لانتيق lantik	لنتيق lentik
فانتس pantas	فنتس pentas
رامبڠ rambang	رمبع rembang

**Catatan 2:** Aturan ini diperluas bagi pengejaan kata tunggal selain pola di atas seperti *tampa* (تمفا) dengan *tempa*, *sandi* (ساندي) dengan *sendi*, *kambu* (كامبو) dengan *kembu* (ساندي), *rasmi* (راسمي) dengan *resmi*, dan *karya* (کاريا) dengan *keria*.

## PENULISAN KATA

**Catatan 3:** Aturan homograf dalam Catatan 1 dan 2 hanya terpakai untuk membezakan sesama kata tunggal Melayu jati sahaja. Namun, homograf dibenarkan berlaku apabila melibatkan pasangan kata daripada sistem ejaan yang sama, seperti bahasa Inggeris dengan bahasa Inggeris, sistem ejaan yang berbeza, seperti bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, Latin, Indonesia, Jawa, Sunda, arkaik dan sastera lama, atau bahasa Inggeris dengan bahasa Arab. Dalam kata Melayu jati juga, homograf dibenarkan berlaku antara kata tunggal dengan kata terbitan, frasa sendi nama atau sesama kata terbitan. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi	Sistem Ejaan
	beta	Melayu jati
بیت	bet	Inggeris
	bit	Inggeris
	bait (rumah)	Arab
تولیه	toleh	Melayu jati
	tauliah	Arab
کیت	kita	Melayu jati
	kit	Inggeris
ایدم	idam	Melayu jati
	idem	Latin
هنتر	hantar	Melayu jati
	hentar	Indonesia
گنتخ	gantang	Melayu jati
	ganteng	Jawa

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Ejaan Jawi	Padanan Rumi	Sistem Ejaan
گنتر	gentar gantar	Melayu jati Sunda
کمبر	kembar kambar	Melayu jati arkaik
تندس	tandas tendas	Melayu jati Sastera lama
دواوی	diawali (kata terbitan) diuli (kata terbitan)	Arab Melayu jati
مریک	mereka (kata tunggal) mereka (membuat rekaan)	Melayu jati Melayu jati
دهولو	dahulu (kata tunggal) di hulu (frasa sendi nama)	Melayu jati Melayu jati

- (ii) Huruf vokal tidak digunakan di mana-mana suku kata tertutup (KVK) yang mengandungi bunyi vokal e pepet (e) apabila mengeja suku kata tertutup + suku kata tertutup. Contohnya:

Pola Vokal	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
[a + e]	کنسر کفتن	kanser kapten
[e + a]	دندم تمفت	dendam tempat

## PENULISAN KATA

<b>Pola Vokal</b>	<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
[e + e]	دمدم	demdem
[e + é]	كمبليغ	gembang
[e + i]	برسيه	bersih
	فرميٽ	permit
[e + o]	جمفول	jempol
	ترموس	termos
[e + u]	سربوق	serbuk
	تمفوه	tempuh
[é + e]	رينجر	renjer
	تیندر	tender
[i + e]	سيستم	sistem
[o + e]	فوستر	poster
[u + e]	بورگر	burger
	سومبر	sumber

- (iii) Huruf vokal *wau* (و) atau *ya* (ي) digunakan di kedua-dua suku kata apabila mengeja kata tunggal yang bersuku kata tertutup + suku kata tertutup. Contohnya:

<b>Pola Vokal</b>	<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
[é + é]	بينتيج	benteng
	كيمفين	kempen
[é + i]	بينزين	benzin
[é + o]	چيندول	cendol
	سيكتور	sektor
[i + é]	ديسكيٽ	disket

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

<b>Pola Vokal</b>	<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
[i + i]	ڦيڱير رِينتِيس	pinggir rintis
[i + o]	ڦيستول سيمبول	pistol simbol
[i + u]	ٻيسڪوت ريمبون	biskut rimbun
[o + é]	ڪونسيف مونتيل	konsep montel
[o + i]	دوڪترین سولستيس	doktrin solstis
[o + o]	دوڪتور هورمون	doktor hormon
[o + u]	ڪورڊووس مونسون	korpus monsun
[u + é]	سوڳيڪ	subjek
[u + i]	چوغڪيل سومقٽيت	cungkil sumpit
[u + o]	بوغلوون	bunglon
[u + u]	رومقوت سوغُنگوه	rumput sungguh

### 2.1.3 Tiga Suku Kata atau Lebih

- (a) Pada umumnya, kaedah ejaan kata tunggal tiga suku kata atau lebih sama sahaja dengan kaedah ejaan kata tunggal dua suku kata atau lebih, kecuali apabila suku kata pertama berbunyi [a] dan berpola KV.

## PENULISAN KATA

**Catatan:** Perkataan *manusiawi* (ماءنسیاواي), *syurgawi* (فریکماءنسیاءن) *perikemanusiaan* (شرکاوی), *demikian* (دمکین), dan *jikalau* (جکالاو) dikecualikan daripada aturan pengejaan ini kerana ejaannya sudah mantap.

- (b) Bunyi vokal [a] di suku kata pertama terbuka berpola KV pada kata tunggal tiga suku kata atau lebih bagi kata Melayu jati hendaklah ditulis tanpa menggunakan vokal *alif* (!). Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بهاڭيا	bahagia
بهاس	bahasa
بگيندا	baginda
دهلو	dahulu
كھارو	gaharu
هلامن	halaman
هليمونن	halimunan
هلوبا	haloba
قدوک	paduka
سهاج	sahaja
وچان	wacana
وهان	wahana
ونيتا	wanita

**Catatan 1:** Bagi perkataan yang mempunyai tiga suku kata, dan suku kata pertamanya hanya berpola V sahaja, dan bukan KV, maka vokal ini hendaklah dilambangkan dengan huruf *alif* (!). Contohnya:

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اچارا	acara
اديندا	adinda
اکام	agama
الاهاي	alahai
انقندا	anakanda
انيك	aneka

**Catatan 2:** Walau bagaimanapun, huruf *alif* (ا) hendaklah digunakan di suku kata pertama terbuka apabila tergolong dalam kumpulan kata yang berikut:

- (i) Kata akronim. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
هالاجو	halaju
تابيکا	tabika
تاديکا	tadika
تاريdra	taridra

- (ii) Kata yang kelihatan sudah lama terbina daripada dua bentuk akar atau bentuk dasar, yang bentuk pertamanya boleh berdiri sendiri sebagai kata penuh. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
کاچافوري	kacapuri (kaca + puri)
مالافتاك	malapetaka (mala + petaka)
مارابهای	marabahaya (mara + bahaya)

## PENULISAN KATA

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ماياڤادا	mayapada (maya + pada)
راجاوالي	rajawali (raja + wali)

- (iii) Kata serapan daripada bahasa Inggeris dan bahasa Eropah yang lain. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
باتاليون	batalion
فاناتيک	fanatik
گاسولين	gasolin
جانواري	Januari
كافيتاليں	kapitalis
مانيفيستاسي	manifestasi
قاتولوڻي	patologi

- (iv) Kata yang suku kata pertamanya diikuti oleh bunyi [w] dan [y], maka bunyi pada suku kata itu hendaklah diletakkan *alif* (ا) bagi mengelakkan bunyi [w] dan [y] dibaca dengan vokal [u] dan [i], seperti *sayembara* (سایمبارا) dan *wawancara* (واونچارا).

## 2.2 Kata Terbitan

- (a) Kata terbitan (atau kata turunan) ialah kata dasar atau bentuk dasar yang berimbuhan (mempunyai awalan, sisipan, akhiran atau apitan) atau bentuk dasar yang ditulis serangkai dengan bentuk kata yang lain. Semua imbuhan dan semua bentuk terikat lain yang tidak dapat berdiri sendiri, ditulis serangkai atau bersambung dengan bentuk dasarnya atau bentuk akarnya berdasarkan bentuk huruf Jawi. Sebahagian penulisan bentuk terbitan ini tidak mengubah bentuk dasarnya manakala sebahagian lagi mengubah bentuk dasarnya.

**PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN**

- (b) Penulisan kata terbitan yang berawalan dan yang tidak berubah ejaan bentuk dasarnya adalah seperti contoh yang berikut:

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
anti-	انٰتِي-	کارت (karat)	انتیکارت (antikarat)
auto-	اُوتُو-	گرف (graf)	اوتوگرف (autograf)
be-	-ب-	رامبوت (rambut)	برامبوت (berambut)
bel-	بل-	اجر (ajar)	بلاجر (belajar)
ber-	بر-	اساس (asas)	براساس (berasas)
bi-	بي-	ادب (adab)	بيادب (biadab)
dasa-	داسا-	ورسا (warsa)	داساورسا (dasawarsa)
di-	د-	ماكن (makan)	دماكن (dimakan)
diper-	دفر-	بسـر (besar)	دفربسـر (diperbesar)
dwi-	دوـيـ	فوـغـسيـ (fungsi)	دوـيفـوغـسيـ (dwifungsi)
eka-	ايـكاـ	بهـاسـ (bahasa)	ايـكاـبهـاسـ (ekabahasa)

## PENULISAN KATA

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
hiper-	هِيَفِر-	بُولا (bola)	هِيَفِرِبُولا (hiperbola)
juru-	جُورُو-	أَعْوَدِيت (audit)	جُورُواءَعْوَدِيت (juruaudit)
ke-	-ك	كَاسِيه (kasih)	كَكَاسِيه (kekasih)
maha-	-مَهَا	سِيسُوا (siswa)	مَهَا سِيسُوا (mahasiswa)
me-	-م	پَارِي (nyanyi)	مَپَارِي (menyanyi)
mem-	-مِم	بَاج (baca)	مَمْبَاج (membaca)
men-	-مَنْ	دَافَت (dapat)	مَنْدَافَت (mendapat)
meng-	-مَغْ	كَغْكُو (ganggu)	مَغْكَغْكُو (mengganggu)
menge-	-مَغْ-	قَمْ (pam)	مَقْفَمْ (mengepam)
memper-	-مَمْفَر-	دَالِم (dalam)	مَمْفَرِدَالِم (memperdalam)
panca-	-قَنْچَا	قَرْسَادَا (persada)	قَنْچَارَسَادَا (pancapersada)
pe-	-ف	لَاكُو (laku)	فَلاكُو (pelaku)
pel-	-فَلـ	أَجْر (ajar)	فَلَاجِر (pelajar)

**PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN**

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
pem-	قـمـ	بـنـتو (bantu)	قـمبـنـتو (pembantu)
pen-	قـنـ	دـوـدـوق (duduk)	قـنـدوـدـوق (penduduk)
peng-	قـفـ	هـيـبـور (hibur)	قـفـهـيـبـور (penghibur)
penge-	قـفـ	بـومـ (bom)	قـفـبـومـ (pengebom)
per-	قـرـ	اـسـفـ (asap)	قـرـاسـفـ (perasap)
poli-	قـولـيـ	كـلـيـنـيـكـ (klinik)	قـولـيـكـلـيـنـيـكـ (poliklinik)
pra-	قـراـ	سـجـارـهـ (sejarah)	قـرـاسـجـارـهـ (prasejarah)
pro-	قـروـ	كـرـاجـاءـنـ (kerajaan)	قـرـوـكـرـاجـاءـنـ (prokerajaan)
pasca-	قـسـچـاـ	كـوـلـونـيـالـ (kolonial)	قـسـچـاكـوـلـونـيـالـ (pascakolonial)
se-	سـ	مـيـتـرـ (meter)	سـمـيـتـرـ (semeter)
sub-	سـوبـ	كـوـلـوـغـنـ (golongan)	سـوبـكـوـلـوـغـنـ (subgolongan)
supra-	سوـقـراـ	نـاسـيـوـنـالـ (nasional)	سوـقـرـانـاسـيـوـنـالـ (supranasional)
swa-	سوـاـ	دـايـ (daya)	سوـادـايـ (swadaya)

## PENULISAN KATA

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
sosio-	سوسيو-	فوليتيك (politik)	سوسيوفوليتيك (sosiopolitik)
tata-	تاتا-	نكارا (negara)	تاتانكارا (tatanegara)
te-	- تـ	راس (rasa)	تراس (terasa)
ter-	- تـرـ	سادي (sadai)	ترسادي (tersadai)
tri-	- تـريـ	بولن (bulan)	tribولن (tribulan)
tuna-	- تـونـاـ	كاريا (karya)	توناكاريا (tunakarya)
ultra-	- اولـتراـ	سونيك (sonik)	اولـراسـونـيكـ (ultrasonik)

(c) Kata terbitan yang berawalan *meN-* atau *peN-* dengan bentuk dasar yang bermula dengan konsonan /k/, /p/, /s/ atau /t/ hendaklah dieja menurut sistem bunyi bahasa Melayu seperti contoh yang berikut:

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
mem-	- مـمـ	فيكول (pikul)	ممـيكـولـ (memikul)
men-	- مـنـ	تولق (tolak)	منـولـقـ (menolak)
meng-	- مـغـ	كات (kata)	معـثـاتـ (mengata)

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
meny-	- م-	سرغ (serang)	مېرغ (menyerang)
pem-	- فم-	فولس (pulas)	قمولس (pemulas)
pen-	- فن-	تونور (tutur)	فنوتور (penutur)
peng-	- فڠ-	كارغ (karang)	فغارغ (pengarang)
peny-	- فن-	سكنر (segar)	فېنگر (penyegar)

(d) Kata terbitan yang berawalan *meN-* atau *peN-* dengan bentuk dasar yang bermula dengan *alif* (ا) dieja dengan dua cara seperti yang berikut:

(i) Jika bentuk dasarnya bermula dengan *alif* (ا) yang berbunyi [a] dalam suku kata terbuka berpola V sahaja, maka *alif* (ا) tersebut hendaklah dikekalkan. Contohnya:

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
meng-	- مف-	اسوه (asuh)	مقاسوه (mengasuh)
		اسه (asah)	مقاسه (mengasah)
peng-	- فڠ-	اجر (ajar)	فثاجر (pengajar)
		اچارا (acara)	فثاچارا (pengacara)

## PENULISAN KATA

- (ii) Selain perenggan 2.2 d (i), huruf *alif* (ا) digugurkan. Contohnya:

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
meng-	- مف-	امس (emas)	مغمس (mengemas)
		اندف (endap)	مغندف (mengendap)
		امبيل (ambil)	مغambil (mengambil)
		ايدم (idam)	مغيدم (mengidam)
		اينتاي (intai)	مغينتاي (mengintai)
		ايغسوت (engsot)	مغيغسوت (mengengsot)
		اوندي (undi)	مغوندي (mengundi)
		او بت (ubat)	فغوبت (pengubat)
		ايدر (edar)	فغيدر (pengedar)

- (iii) Bagi bentuk dasar kata serapan daripada bahasa Arab yang bermula dengan huruf *alif* (ا) yang berbunyi [i] atau [u] hendaklah dieja dengan menambah huruf vokal *ya* (ي) untuk bunyi [i] dan *wau* (و) untuk bunyi [u]. Contohnya:

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
meng-	- مـ	اعتراف (iktiraf)	مغيـعـتـرـاف (mengiktiraf)
		اـصـوـل (usul)	مـغـوـصـوـل (mengusul)
peng-	- قـ	اعـلـان (iklan)	قـغـيـعـلـان (pengiklan)
		اـصـوـل (usul)	قـغـوـصـوـل (pengusul)

**Catatan:** Aturan ini juga terpakai untuk kata *mengislamkan* (مغيـسـلاـمـكـن) dan *pengislaman* (قـغـيـسـلاـمـان) yang kata dasarnya menggunakan huruf *hamzah* (ء) di bawah huruf *alif* (ا).

- (e) Kata terbitan yang berawalan *meN-* atau *peN-* bagi kata serapan yang bentuk dasarnya bermula dengan konsonan tunggal ataupun gugus konsonan hendaklah dieja tanpa menggugurkan huruf pertama bentuk dasarnya.

- (i) Contoh kata serapan daripada bahasa Inggeris:

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
mem-	- مـ	برـيـك (brek)	ممـبـرـيـك (membrek)
men-	- مـنـ	دـرـف (draf)	منـدـرـف (mendraf)
meng-	- مـغـ	كـرـيد (gred)	مـغـكـرـيد (menggred)
pem-	- قـمـ	قـرـوـسـيـسـ (proses)	قـمـقـرـوـسـيـسـ (pemproses)

## PENULISAN KATA

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
pen-	فُن-	ستabil (stabil)	فُنستabil (penstabil)
peng-	فُغ-	كِريتِيك (kritik)	فُغكِريتِيك (pengkritik)

(ii) Contoh kata serapan daripada bahasa Arab:

Awalan	Padanan Jawi	Bentuk Dasar	Bentuk Terbitan
mem-	- مم-	فتنه (fitnah)	مفتنه (memfitnah)
men-	- من-	ترجمه (terjemah)	منترجمه (menterjemah)
meng-	- مج-	قضاء (qada)	مقضاء (mengqada)
pem-	- فم-	بحث (bahas)	قمبحث (pembahas)
pen-	- فن-	تفسير (tafsir)	فنتفسير (pentafsir)
peng-	- فغ-	خيانة (khianat)	فغخيانة (pengkhianat)

**Catatan:** Penulisan kata terbitan yang berawalan *meN-* atau *peN-*, yang diikuti oleh bentuk dasar *adil* (عادیل) dan *alam* (عالیم) digugurkan huruf ‘ain (ع) di awal bentuk dasarnya kerana mengikut sebutannya dalam bahasa Melayu. Contohnya, *mengadili* (مُعَادِلِي), *mengalami* (مُغَالِمِي), *pengadil* (فُقَادِل) dan *pengalaman* (فُقَالْمَن).

- (f) Bentuk dasar yang bermula dengan konsonan *wau* (و) atau *ya* (ي), diikuti oleh bunyi vokal [a] atau [i] dalam suku kata terbuka, tetapi tidak menggunakan huruf vokal apabila menerima sebarang awalan, hendaklah dieja dengan menambah huruf *alif* (ا) atau *ya* (ي) selepas huruf *wau* (و) atau *ya* (ي) tersebut. Kaedah ini bertujuan untuk mengelakkan huruf *wau* (و) tersebut dibaca dengan vokal [u] dan huruf *ya* (ي) dibaca dengan vokal [i]. Contohnya:

<b>Imbuhan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
ber-	- بر-	وقف (wakaf)	بروائف (berwakaf)
		ورد (wirid)	بروييريد (berwirid)
ke-...-an	ك-...-ن / ئ-ن	وفاة (wafat)	كوافاتن (kewafatan)
		وهם (waham)	كواهمن (kewahaman)
		ورع (warak)	كوارعن (kewarakan)
		وطن (watan)	كواطنن (kewatanan)
		ونيتا (wanita)	كوانيتاءن (kewanitaan)
		ولايه (wilayah)	كويلايهن (kewilayah)
		يتيم (yatim)	كياتيمن (keyatiman)
me-...-kan	م-...-كن	وباء (wabak)	مواباءكن (mewabakkан)
		وچان (wacana)	مواچاناكن (mewacanakan)

## PENULISAN KATA

		يَقِينٌ (yakin)	مِيَاقِينْكُنْ (meyakinkan)
pe-	-ف-	وَصِيَةٌ (wasiat)	فُوَاصِيَةٌ (pewasiat)

(g) Awalan *di-* ditulis dengan huruf *dal* (د) dengan dua cara yang berikut:

- (i) Jika bentuk dasar bermula dengan huruf *alif* (ا), huruf *hamzah* (ء) diletakkan di atas huruf *alif* (ا) apabila diimbuh awalan *di-*. Contohnya:

Awalan	Padanan Jawi	Bentuk Dasar	Bentuk Terbitan
di-	-د-	اسه (asah)	دأسه (diasah)
di-	-د-	اءوديت (audit)	داءوديت (diaudit)
di-	-د-	انجق (anjak)	دانجق (dianjak)
di-	-د-	اوله (olah)	دأوله (diolah)
di-	-د-	اوسيوغ (usung)	دأوسوغ (diusung)

**Catatan:** Walau bagaimanapun, bentuk dasar bagi kata nama khas daripada bahasa Arab, seperti *Islam* dikekalkan apabila menerima imbuhan awalan *di-*, iaitu *diislamkan* (دإسلامكن).

- (ii) Jika bentuk dasar tidak bermula dengan huruf *alif* (ا), awalan *di-* ditulis rapat dengan kata dasar tanpa mengubah huruf pertama bentuk dasar tersebut. Contohnya:

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
di-	- د	بَاوَا (bawa)	دِبَاوَا (dibawa)
di-	- د	مَاكَنْ (makan)	دِمَاكَنْ (dimakan)
di-	- د	فُرُوسِيسْ (proses)	دِفُرُوسِيسْ (diproses)
di-	- د	تَرْجِمَهْ (terjemah)	دِتَرْجِمَهْ (diterjemah)

(h) Awalan *se-* ditulis dengan huruf *sin* (س) dengan dua cara yang berikut:

- (i) Jika bentuk dasar bermula dengan huruf *alif* (ا), huruf *hamzah* (ء) diletakkan di atas huruf *alif* (ا) yang ditulis bersambung dengan awalan *se-* yang ada di depannya. Contohnya:

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
se-	- س	اَكَامْ (agama)	سَائِكَامْ (seagama)
se-	- س	اَرْتِيْ (erti)	سَارْتِيْ (seerti)
se-	- س	اِيكُورْ (ekor)	سَائِيكُورْ (seekor)
se-	- س	اوْرَغْ (orang)	سَأَوْرَغْ (seorang)
se-	- س	اوْنِيتْ (unit)	سَأَوْنِيتْ (seunit)

## PENULISAN KATA

- (ii) Jika bentuk dasar tidak bermula dengan huruf *alif* (ا), awalan *se-* ditulis bersambung dengan bentuk dasar tersebut tanpa mengubah huruf pertama bentuk dasar tersebut. Contohnya:

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
se-	- سـ	بواه (buah)	سبواه (sebuah)
se-	- سـ	هاري (hari)	سهاري (sehari)
se-	- سـ	بلوك (block)	سبلوك (seblock)
se-	- سـ	چاون (cawan)	سچاون (secawan)

- (i) Awalan *ke-* ditulis dengan huruf *kaf* (ك) dalam dua cara yang berikut:
- (i) Jika bentuk dasar bermula dengan huruf *alif* (ا), huruf *hamzah* (ء) diletakkan di atas huruf *alif* (ا) yang ditulis bersambung dengan awalan *ke-* yang ada di depannya. Contohnya:

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
ke-	- كـ	امفت (empat)	كامفت (keempat)
ke-	- كـ	امفت ۲ (empat-empat)	كامفت-امفت (keempat-empat)
ke-	- كـ	انم (enam)	كامن (keenam)
ke-	- كـ	اوروس (urus)	كاموروس (keurus)

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

(ii) Jika bentuk dasar tidak bermula dengan huruf *alif* (!), awalan *ke-* ditulis bersambung dengan kata dasar atau bentuk dasar tersebut tanpa mengubah huruf pertama bentuk dasar tersebut. Contohnya:

<b>Awalan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
ke-	- <b>ك</b>	تاكِيَه (tagih)	كتاكِيَه (ketagih)
ke-	- <b>ك</b>	توا (tua)	كتوا (ketua)
ke-	- <b>ك</b>	تاوا (tawa)	كتاوا (ketawa)

(j) Kata terbitan yang berimbahan sisipan hendaklah mengikut kaedah penulisan dan pengejaan huruf di tengah kata, seperti contoh yang berikut:

<b>Sisipan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
-el-	- <b>لـ</b>	تونجوق (tunjuk)	تلونجوق (telunjuk)
-em-	- <b>مـ</b>	سرېق (serbak)	سمېرېق (semerbak)
-er-	- <b>رـ</b>	گېڭىي (gigi)	گېڭىي (gerigi)
-in-	- <b>ينـ</b>	سامبۇغ (sambung)	سېنمبۇغ (sinambung)

(k) Kata terbitan yang menerima imbuhan akhiran adalah seperti contoh yang berikut:

## PENULISAN KATA

Akhiran	Padanan Jawi	Bentuk Dasar	Bentuk Terbitan
-ah	هـ	سلطان (sultan)	سلطانه (sultanaḥ)
-at	ـات	مسلم (Muslim)	مسلمات (Muslimat)
-iah	ـيه	عالـم (alam)	عالـمـيـه (alamiah)
-in	ـين	حاضرـ (hadir)	حاضرـيـن (hadirin)
-kan	ـكن	جـادي (jadi)	جـاديـكـن (jadikan)
-man	ـمن	سـنـي (seni)	سـنـيـمـن (seniman)
-wan	ـون	بغـساـن (bangsa)	بغـساـون (bangsawan)
-wi	ـوي	دـنـيـا (dunia)	دـنـيـاوـي (duniawi)

**Catatan:** Sesetengah penambahan akhiran asing boleh menyebabkan perubahan pada kata dasar kerana dianggap sebagai perkataan yang baharu dan dimasukkan sebagai entri yang berbeza dalam kamus. Contohnya, perkataan *nasional* (ناسيونل) dan *nasionalisme* (ناسيوناليسمى)

- (I) Tiga cara mengeja akhiran *-an* dalam ejaan Jawi, iaitu (i) *alif-nun* (ان), (ii) *hamzah-nun* (ءن) dan (iii) *nun* (ن). Contohnya seperti yang berikut:
  - (i) Akhiran *alif-nun* (ان) diimbuhkan pada kata dasar yang berakhir dengan huruf vokal *wau* [u]/[o] atau diftong *alif-wau* [au]. Contohnya:

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Akhiran	Padanan Jawi	Bentuk Dasar	Bentuk Terbitan
-an	ان-	بورو (buru)	بوروان (buruan)
-an	ان-	فندو (pandu)	فندوان (panduan)
-an	ان-	جاڭو (jago)	جاڭوان (jagoan)
-an	ان-	تینجاو (tinjau)	تینجاوان (tinjauan)
-an	ان-	ایمباو (imbau)	ایمباوان (imbauan)

**Catatan:** Bentuk dasar kata serapan daripada bahasa Arab yang berakhir dengan bunyi vokal [u] yang tidak ditulis dengan huruf *wau* (و) hendaklah ditambah huruf *wau* (و) pada bentuk terbitannya sebelum ditambahkan dengan imbuhan akhiran *alif-nun* (ان). Walau bagaimanapun, kata terbitan ini selalunya wujud dalam bentuk apitan. Contohnya, *wahyu* (وحي) - *pewahyuan* (فوحیوان) dan *fardu* (فرض) - *kefarduan* (کفرضوان).

(ii) Akhiran *hamzah-nun* (ءن) diimbuhkan pada kata dasar yang berakhir dengan huruf vokal *alif* [a]. Contohnya:

Akhiran	Padanan Jawi	Bentuk Dasar	Bentuk Terbitan
-an	ءن-	چلا (cela)	چلاءن (celaan)
-an	ءن-	خندا (ganda)	خنداۓن (gandaan)
-an	ءن-	جلما (jelma)	جلماءن (jelmaan)

## PENULISAN KATA

-an	ءُن	سيوا (sewa)	سيوان (sewaan)
-an	ءُن	سارا (sara)	ساراءن (saraan)

**Catatan:** Bentuk dasar yang berakhir dengan bunyi vokal [a] yang tidak ditulis dengan huruf vokal *alif* (ا) hendaklah ditambah huruf vokal *alif* (ا) pada bentuk terbitannya sebelum ditambahkan dengan imbuhan akhiran *hamzah-nun* (ءُن) Contohnya:

Akhiran	Padanan Jawi	Bentuk Dasar	Bentuk Terbitan
-an	ءُن	بَاج (baca)	بَاچاءن (bacaan)
-an	ءُن	تَاج (taja)	تاجاءن (tajaan)
-an	ءُن	رِيك (reka)	رِيڪاءن (rekaan)
-an	ءُن	دوڭ (duga)	دوڭاءن (dugaan)

(iii) Akhiran *nun* (ن) diimbuhkan pada bentuk dasar yang tidak berakhir dengan huruf vokal *alif* (ا), vokal *wau* (و) atau diftong *alif-wau* (او). Contohnya:

Akhiran	Padanan Jawi	Bentuk Dasar	Bentuk Terbitan
-an	ن-	تاري (tari)	تارين (tarian)
-an	ن-	اندائي (andai)	اندایين (andaian)
-an	ن-	ماسق (masak)	ماسقن (masakan)

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

-an	ن-	كولوغ (golong)	كولوغن (golongan)
-an	ن-	سومقیت (sumpit)	سومقیتن (sumpitan)

**Catatan:** Perkataan yang kelihatan seolah-olah berakhir dengan imbuhan akhiran -an tetapi bukan imbuhan tersebut, dieja seolah-olah kata tersebut terdiri daripada bentuk dasar yang diikuti imbuhan akhiran -an juga. Contohnya, *kayangan* (كاين), *kawasan* (كاوسن) dan *durian* (دورين).

(m) Akhiran -i ditulis dengan dua cara yang berikut:

- (i) Huruf akhiran *hamzah-ya* (يء) diimbuhkan pada kata dasar yang berakhir dengan huruf vokal *alif* (!) atau vokal *wau* (و) atau diftong *alif-wau* (او). Contohnya:

Akhiran	Padanan Jawi	Bentuk Dasar	Bentuk Terbitan
-i	يء-	مولا	مولاء
-i	يء-	للو	للوء
-i	يء-	سوسو	سوسوء
-i	يء-	سربو	سربوء
-i	يء-	لمقاو	لمقاوء
-i	يء-	jangkao	jangkaوء

**Catatan:** Kata dasar yang berakhir dengan bunyi vokal [a] yang tidak ditulis dengan huruf vokal *alif* (!) hendaklah ditambah

## PENULISAN KATA

huruf vokal *alif* (ا) pada bentuk terbitannya sebelum ditambahkan dengan imbuhan akhiran *hamzah-ya* (ءي). Contohnya:

Akhiran	Padanan Jawi	Bentuk Dasar	Bentuk Terbitan
-i	ءي-	سوک (suka)	سوکاءي (sukai)
-i	ءي-	هرگ (harga)	هرگاءي (hargai)
-i	ءي-	راس (rasa)	راساءي (rasai)
-i	ءي-	راج (raja)	راجاءي (rajai)
-i	ءي-	کات (kata)	کاتاءي (katai)

- (ii) Huruf akhiran *ya* (ي) diimbuhkan pada kata lain yang tidak berakhir dengan huruf vokal *alif* (ا) atau vokal *wau* (و) atau diftong *alif-wau* (او). Contohnya:

Akhiran	Padanan Jawi	Bentuk Dasar	Bentuk Terbitan
-i	ي-	موڠکير (mungkir)	موڠکيري (mungkiri)
-i	ي-	کيريم (kirim)	کيريمي (kirimi)
-i	ي-	لاين (layan)	لايني (layani)
-i	ي-	ڦايوڠ (payung)	ڦايوڠي (payungi)
-i	ي-	کنل (kenal)	کنلي (kenali)

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Kata terbitan yang berimbuhan apitan hendaklah mengikut kaedah yang telah ditetapkan dalam penulisan kata terbitan yang menerima imbuhan awalan dan akhiran, seperti contoh yang berikut:

<b>Apitan</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Bentuk Dasar</b>	<b>Bentuk Terbitan</b>
ber-...-an	بر -...- ن	اغْكَفْ (anggap)	براغْكَفْن (beranggapan)
ber-...-kan	بر -...- كن	دَاسِرْ (dasar)	برداسِرْكَن (berdasarkan)
di-...-i	د -...- ي	نَاءِيْقَ (naik)	دَنَاءِيْقَيْ (dinaiki)
di-...-kan	د -...- كن	مَعْلُومَ (maklum)	دَمَعْلُومَكَنْ (dimaklumkan)
diper-...-i	دَفْر-...- ئِي	سَتُوْجَوْ (setuju)	دَفْرَسْتُوْجَوْءِيْ (dipersetujui)
diper-...-kan	دَفْر-...- كن	تَيْغَكْتَ (tingkat)	دَفْرَتِيْغَكْتَكَنْ (dipertingkatkan)
ke-...-an	ك -...- ن	رَاعِيْ (rai)	كَرَاعِينْ (keraian)
me-...-i	م -...- ئِي	رِينْدُوْ (rindu)	مَرِينْدُوْءِيْ (merindui)
me-...-kan	م -...- كن	رَاتْ (rata)	مَرَاتِكَنْ (meratakan)
mem-...-i	مَم-...- ئِي	فُوْبَاْ (punya)	مَمْفُوْبَاْءِيْ (mempunyai)
mem-...-kan	مَم-...- كن	بَسِرْ (besar)	مَمْبَسِرْكَنْ (membesarkan)
memper-...-i	ممْفَر-...- ئِي	اَكُوْ (aku)	مَمْفَرَاِكَوْءِيْ (memperakui)

## PENULISAN KATA

memper...-kan	ممفر-...-كن	جودي (judi)	ممفرجوديكن (memperjudikan)
men...-i	من -...- ي	دودوق (duduk)	مندوذوق (menduduki)
men...-kan	من-...- كن	جاتوه (jatuh)	منجاتوهكن (menjatuhkan)
meng...-i	مف -...- ي	هادف (hadap)	مفهادفي (menghadapi)
meng...-kan	مف-...- كن	هارف (harap)	مغهارفكن (mengharapkan)
menge...-i	مف-...- ي	شك (syak)	مششكى (mengesyaki)
menge...-kan	مف-...- كن	صح (sah)	مغصح肯 (mengesahkan)
pe...-an	ف -...- ن	لارس (laras)	فلارسن (pelarasan)
pel...-an	فل-...- ن	اجر (ajar)	فلاجرن (pelajaran)
pem...-an	فم-...- ن	باير (bayar)	قمبایرن (pembayaran)
pen...-an	فند -...- ن	دافت (dapat)	قندافتن (pendapatan)
peng...-an	فغ-...- ن	كنتي (ganti)	فغكنتين (penggantian)
penge...-an	فغ-...- ن	چم (cam)	فغچمن (pengecaman)
per...-an	فر -...- ن	ادب (adab)	فرادبن (peradaban)
ter...-kan	تر-...- كن	قري (peri)	ترقرىكن (terperikan)

### 2.3 Kata Majmuk

(a) Kata majmuk yang dijarkan ejaannya dalam Rumi hendaklah dijarkan juga dalam Jawi. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
چمڤور ادوق	campur aduk
تریما کاسیه	terima kasih
تمو دوگ	temu duga
تغه هاری	tengah hari
سام اد	sama ada
اوروس نیاڭ	urus niaga

**Catatan:** Jika kata majmuk tersebut menerima imbuhan awalan atau akhiran, ejaannya tetap dijarkan seperti perkataan *bercampur aduk* (برچمڤور ادوق), *diambil alih* (دأمبيل اليه) dan *daya serapan* (داي سرفن).

Sebaliknya, jika kata majmuk tersebut menerima apitan, maka ejaannya dirapatkan seperti *mencampuradukkan* (منچمڤورادوقکن), *pengambilalihan* (فغمبیالاھن), *dikuatkuasakan* (دقواتکواساکن), dan *berbapaangkatkan* (برباڠاڠكتکن).

(b) Kata majmuk yang dirapatkan ejaannya dalam Rumi hendaklah dirapatkan juga dalam Jawi. Contohnya:

Padanan Jawi	Ejaan Rumi
انتارابڠسا	antarabangsa
بریتاهو	beritahu
بومیقوترا	bumiputra
جاوتنکواس	jawatankuasa
کاکیتاغن	kakitangan
کرجاسام	kerjasama

## PENULISAN KATA

مatahari	matahari
olahraga	olahraga
pesuruhjaya	pesuruhjaya
setiausaha	setiausaha
sukarela	sukarela
suruhanjaya	suruhanjaya
tandatangan	tandatangan
tanggungjawab	tanggungjawab
warganegara	warganegara

**Catatan:** Selain senarai di atas terdapat sejumlah bentuk gabungan kata yang juga dieja rapat. Contohnya, *dinihari* (دینیهاری), *apabila* (افایبیلا), *padahal* (فداحال) (فداحال), *sukacita* (سوكاچیتا) (دینیهاری), *apatah* (افاته) (فريبهاس), *peribahasa* (فريبهاس) (فريبهاس), dan *walhal* (والحال) (والحال).

### 2.4 Kata Sendi Nama

Kata sendi nama (kata depan) *di* (د) ditulis rapat dan *ke* (ک) ditulis bercantum dengan perkataan yang mengikutinya. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
درومه	di rumah
دمانا-مان	di mana-mana
دملاک	di Melaka
دنکارا	di negara
دسان	di sana
کسکوله	ke sekolah
کتمفت-تمفت	ke tempat-tempat
کنکری	ke negeri
کسیتو	ke situ

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

**Catatan:** Jika kata yang mengikutinya itu bermula dengan huruf *alif* (ا), huruf *hamzah* (ء) diletakkan di atas huruf *alif* (ا) tersebut. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
دأيستان	di istana
دواوتارا	di utara
دأنتارا	di antara
كأتس	ke atas
كأينديا	ke India
كأوتارا	ke utara

### 2.5 Kata Ganti Nama Diri Singkat

Kata ganti nama diri singkat *ku*, *kau*, *mu* dan *nya* ditulis serangkai dengan kata yang ada di depannya atau di belakangnya.

- (i) Penulisan kata ganti nama diri singkat *ku* dengan ejaan *kaf-wau* (کو), seperti contoh yang berikut:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
باڭيكو	bagiku
چىنتاكو	cintaku
كىداڭو	kepadaku
منىمماڭو	menerimaku
مۇساھىيېڭو	mengasihiku
رۇمەڭو	rumahku

- (ii) Penulisan kata ganti nama diri singkat *mu* dengan ejaan *mim-wau* (مو), seperti contoh yang berikut:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
باڭيمو	bagimu
چىنتامو	cintamu

## PENULISAN KATA

كَفْدَامُو	kepadamu
مَنْرِيَمَامُو	menerima mu
مَغَاسِيْمِيمُو	mengasihimu
رَوْمَهْمُو	rumahmu

- (iii) Penulisan kata *nya* (ڻ) bagi merujuk kata ganti nama diri ketiga dan yang merujuk Allah, seperti contoh yang berikut:

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
باڭىش	baginya
چىنتان	cintanya
منريمان	menerima manya
مغاسىمېين	mengasihinya
قاتريوتىسىمن	patriotismenya
رومهن	rumahnya
كىدان	kepada-Nya
رحمتىن	rahmat-Nya

- (iv) Kata ganti nama diri singkat *ku* dengan ejaan *kaf-wau* (کو) dan *kau* dengan ejaan *kaf-alif-wau* (کاو) ditulis serangkai dengan kata dasar yang ada di belakangnya. Contohnya:

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
کوامبىل	kuambil
کودغىر	kudengar
کوتىما	kuterima
کاومبىل	kauambil
کاودغىر	kaudengar
کاوتىما	kauterima

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

### 2.6 Kata Ganda

Kata ganda penuh ditulis dengan menggunakan tanda angka dua Hindi (၂). Penulisan kata ganda penuh seperti contoh yang berikut:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اناي ၂	anai-anai
باءيق ၂	baik-baik
بيري ၂	biri-biri
بوتول ၂	botol-botol
بوکو ၂	buku-buku
کوڤو ၂	kupu-kupu
کورا ၂	kura-kura
لاه ၂	labah-labah
لابي ၂	labi-labi
لمبت ၂	lambat-lambat
منترى ၂	menteri-menteri
اونیت ၂	unit-unit

Apabila bahagian kata yang diganda itu berubah bentuknya, tanda sempang (-) digunakan sebagai tanda ganda. Kata ganda jenis ini termasuklah kata ganda berimbuhan dan kata ganda berentak.

- (i) Penulisan kata ganda berimbuhan seperti contoh yang berikut:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
انق-انقنى	anak-anaknya
اخير-اخيرن	akhir-akhirnya
برجالن-جالن	berjalan-jalan

## PENULISAN KATA

برساما-سام	bersama-sama
برزمان-زمان	berzaman-zaman
لاما-كلاماءن	lama-kelamaan
منوليس-نوليis	menulis-nulis
موده-مودهن	mudah-mudahan
ترميهمي-ميهمي	termimpi-mimpi

(ii) Penulisan kata ganda berentak seperti contoh yang berikut:

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
بولق-باليق	bolak-balik
كمبر-كمبور	gembar-gembur
خرق-خرى	gerak-geri
كوجر-كافير	kucar-kacir
لإوق-فأءوق	lauk-pauk
كونتع-كتيع	kontang-kanting
سيمفغ-فريبغ	simpang-perenang
توغكع-لغكع	tunggang-langgang

**Catatan:** Terdapat sesetengah kata ganda yang dieja dengan menambah huruf *alif* (ا) pada bentuk ganda yang pertama apabila menerima imbuhan kerana kata ganda dianggap sebagai satu perkataan. Contohnya, perkataan *bersama-sama* (برساما-سام), *bersuka-suka* (برسوكا-سوک), dan *semata-mata* (سماتا-مات).

### 2.7 Partikel

Partikel *-lah* (لـ), *-kah* (كـ), dan *-tah* (تـ) ditulis serangkai dengan kata yang ada di depannya. Contohnya:

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اداله	adalah
بريله	berilah
سمبوتله	sambutlah
تولوغله	tolonglah
اڤاکه	apakah
بیلاکه	bilakah
کناڤاکه	kenapakah
فرنگکه	pernahkah
سودیکه	sudikah
اڤاته	apatah
بیلاته	bilatah

Partikel *pun* (ڦون) ditulis dengan dua cara yang berikut:

- (i) Kata *pun* yang berfungsi sebagai kata penegas ditulis terpisah daripada kata yang ada di sampingnya. Contohnya:
  - a. Apa-apa pun yang dimakannya, dia tetap kurus.  
اڻ ڦون یغ دماڪڻ، دي تتف کورووس.
  - b. Jangankan dua kali, sekali pun engkau tidak pernah datang ke sini.  
جاڻنکن دوا کالي، سکالي ڦون اڳکاو تيدق فرنه داتغ کسيني.
  - c. Jika ayah pergi, adik pun ingin pergi.  
جک ايه ڦرئي، اديق ڦون ايغين ڦرئي.

## PENULISAN KATA

(ii) Perkataan yang dieja serangkai dengan partikel *pun* ialah:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اداڻون	adapun
اندايڻون	andaipun
اتاوڻون	ataupun
باڻايماناڻون	bagaimanapun
بيارڻون	biarpun
كنداتيڻون	kendatipun
كالاوڻون	kalaupun
لاڻيون	lagipun
ماهڻون	mahupun
مسكيڻون	meskipun
سکاليڻون	sekalipun
سوغنگوهڻون	sungguhpun
والاوڻون	walaupun